



PERJANJIAN PEMBIAYAAN

PPM/BM.1/99-Pin-4

Ruang
setem
hasil RM
10

PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PERJANJIAN ini dibuat pada hari bulan
tahun

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA bagi tujuan Perjanjian ini diwakili oleh Kolej Matrikulasi
..... yang beralamat di
..... (kemudian daripada ini
dirujuk sebagai “**KERAJAAN**”) sebagai pihak pertama;

DAN

..... No. K/P yang
beralamat di
.....(kemudian
daripada ini dirujuk sebagai “**PELAJAR**”) sebagai pihak kedua; dan

DAN

..... No.K/P.....yang
beralamat di
.....
(kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**PENJAMIN**”) sebagai pihak yang ketiga.

(Kerajaan, Pelajar dan Penjamin boleh dirujuk secara berasingan sebagai “**Pihak**” atau secara kolektif sebagai “**Pihak-Pihak**”.)

BAHAWASANYA—

- A. KERAJAAN mengadakan Program Matrikulasi (kemudian daripada ini dipanggil “Program”) iaitu program persediaan bagi pelajar Bumiputera untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan sastera ikhtisas ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara.
- B. PELAJAR telah membuat permohonan untuk menyertai Program Matrikulasi dan Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan permohonan PELAJAR untuk mengikuti Program ini sehingga tamat Pengajian berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini.
- C. PELAJAR telah menerima Surat Tawaran dan bersetuju untuk mengikuti Program tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.
- D. PENJAMIN juga telah bersetuju menjamin penyempurnaan tanggungjawab PELAJAR di bawah Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Definisi

- “Pengajian”** - ertinya Program diikuti PELAJAR dan terdiri daripada jurusan sains, jurusan perakaunan, jurusan perakaunan profesional, jurusan kejuruteraan seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran;
- “Kolej Matrikulasi”** - ertinya tempat pengajian PELAJAR sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran;
- “Surat Tawaran”** - ertinya Surat Tawaran Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia Rujukan Nombor KPM.800-1/1/13 (.....) bertarikh dan Syarat Tawaran Program Matrikulasi yang hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini; dan

“Tempoh Pengajian”

- ertinya tempoh pengajian seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran atau apa-apa pelanjutan tempoh yang diluluskan oleh Kerajaan.

1.2 Tafsiran

- (a) resital, mukadimah, klausa, lampiran dan apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini hendaklah diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian yang penting dalam Perjanjian ini;
- (b) sebarang rujukan kepada resital, mukadimah, klausa dan lampiran dalam Perjanjian ini adalah ditafsirkan sebagai rujukan kepada resital, mukadimah, klausa dan lampiran dalam Perjanjian ini melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (c) perkataan yang membawa maksud satu adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (d) tajuk dan tajuk kecil kepada peruntukan-peruntukan dan bahagian-bahagian dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan pembacaan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini;
- (e) sekiranya rujukan berkaitan dengan tempoh masa bagi sesuatu perbuatan yang hendak dilakukan atau sesuatu persetujuan dicapai atau kebenaran diberikan, rujukan itu hendaklah dianggap dibaca bersama ungkapan itu atau “mana-mana tempoh yang dipersetujui secara bertulis antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa”;
- (f) rujukan kepada mana-mana statut atau peruntukan statutori adalah merangkumi rujukan kepada statut atau peruntukan statutori yang dipinda dan digubal semula; dan
- (g) apa-apa rujukan kepada “kelulusan” atau “kebenaran” adalah bermaksud kelulusan atau kebenaran secara bertulis.

1.3 Keseluruhan Perjanjian

Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan antara pihak-pihak dalam Perjanjian ini terhadap isi kandungan Perjanjian ini. Perjanjian ini telah menggantikan kesemua persetujuan terdahulu sama ada yang nyata atau tidak nyata, bertulis ataupun lisan.

2. TANGGUNGJAWAB KERAJAAN

2.1 Tertakluk kepada terma dan syarat di bawah Perjanjian ini dan sebagai balasan kepada pematuhan PELAJAR melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini, maka KERAJAAN dengan ini bersetuju—

- (a) membiayai yuran pengajian dan yuran penginapan sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Belas Ribu (RM12,000.00) sahaja** setahun sepanjang Tempoh Pengajian kecuali yuran peperiksaan dan apa-apa bayaran lain yang perlu dibayar oleh PELAJAR sepanjang Tempoh Pengajian;
- (b) tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan KERAJAAN setelah mempertimbangkan kelayakan PELAJAR, memberi Bantuan Sara Hidup Pelajar sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) sahaja** sebulan atau amaun lain yang ditetapkan oleh KERAJAAN dari semasa ke semasa sepanjang Tempoh Pengajian;
- (c) tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Kerajaan setelah mempertimbangkan kelayakan PELAJAR, menanggung tambang kapal terbang kelas ekonomi mengikut terma dan syarat yang diperuntukkan di klausa 5 Perjanjian ini.

3. TANGGUNGJAWAB PELAJAR

3.1 Pengajian

(a) **PELAJAR hendaklah—**

- (i) mengikut Pengajian dengan bersungguh-sungguh dan sedaya upaya dan hendaklah menghadiri kuliah, tutorial, amali, seminar, ceramah dan aktiviti rasmi serta apa-apa program yang dijalankan berkaitan dengan Pengajian;

- (ii) menghadiri semua ujian dan peperiksaan yang disyaratkan yang berkaitan dengan Pengajian sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Tawaran;
- (iii) mencapai kejayaan yang cemerlang atau sekurang-kurangnya melepasi syarat minimum yang ditetapkan. PELAJAR yang gagal dalam peperiksaan atau tidak memperoleh syarat minimum yang ditetapkan akan diberhentikan daripada Pengajian;
- (iv) menjelaskan apa-apa bayaran (selain yuran pengajian dan yuran penginapan) yang dikenakan oleh KERAJAAN. Kegagalan PELAJAR menjelaskan pembayaran penuh ke atas apa-apa bayaran yang ditetapkan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan;
- (v) menginap atau tinggal di tempat penginapan yang telah ditetapkan; dan
- (vi) menyempurnakan Pengajian seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran;

(b) PELAJAR tidak boleh—

- (i) menerima sebarang tawaran pengajian atau kursus lain;
- (ii) menukar jurusan dan/ atau Kolej Matrikulasi selain daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (iii) menduduki peperiksaan selain peperiksaan yang berkaitan dengan Pengajian yang diambil olehnya;
- (iv) melanjutkan tempoh dan/ atau menangguhkan Pengajian; atau
- (v) meninggalkan Pengajian sebelum menyempurnakan Pengajian itu;

tanpa mendapat kelulusan daripada KERAJAAN terlebih dahulu.

3.2 Disiplin

(a) PELAJAR hendaklah—

- (i) mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa ke atas PELAJAR dari semasa ke semasa;
- (ii) sentiasa mematuhi apa-apa peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa termasuklah berkaitan dengan tatatertib dan kawalan disiplin yang ditetapkan oleh Kolej Matrikulasi;
- (iii) berpakaian kemas, sopan dan bersesuaian semasa menghadiri syarahan, kuliah, tutorial, latihan amali, gerak kerja kokurikulum dan sebagainya selaras peraturan berkaitan tatatertib dan kawalan disiplin yang ditetapkan oleh Kolej Matrikulasi;

(b) PELAJAR tidak boleh—

- (i) melakukan perbuatan atau salah laku dalam apa cara jua pun yang melanggar peraturan-peraturan yang berkuat kuasa ke atas PELAJAR termasuklah yang berkaitan dengan kawalan disiplin sebagaimana yang ditetapkan oleh Kolej Matrikulasi dari semasa ke semasa;
- (ii) berkelakuan dalam sedemikian cara sehingga menjatuhkan atau mencemarkan nama baik PELAJAR, KERAJAAN atau Kolej Matrikulasi;
- (iii) membelakangkan Pengajian demi kepentingan peribadinya;

3.3 Hasutan dan Tunjuk Perasaan

PELAJAR tidak boleh –

- (a) mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Kolej Matrikulasi;

- (b) membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Kolej Matrikulasi;
- (c) menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan, sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat Kerajaan, adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Kolej Matrikulasi; atau
- (d) menyedia, mencetak, membahagi atau mengedarkan, atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyedia, mencetak, membahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen atau lain-lain bahan yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Kolej Matrikulasi.

3.4 Menyertai Politik dan Pertubuhan

PELAJAR tidak boleh –

- (a) mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan berunsur politik atau anti-Kerajaan;
- (b) memegang apa-apa jawatan dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu dan Kerajaan, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu; atau
- (c) menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah, pada pendapat Kerajaan boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu dan Kerajaan, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.

3.5 Syarat-Syarat Lain

PELAJAR tidak boleh –

- (a) berkahwin sepanjang Tempoh Pengajian;
- (b) melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau perbuatan yang boleh menjejaskan Pengajian;
- (c) mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh Kerajaan tidak selaras dengan kepentingan Pengajian atau kepentingan Kerajaan, Negara atau Kolej Matrikulasi;

DENGAN SYARAT SENTIASA BAHAWA sekiranya PELAJAR telah mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan dan kemudiannya telah diberitahu oleh Kerajaan bahawa kegiatan itu adalah tidak selaras dengan kepentingan Kerajaan, Negara atau Kolej Matrikulasi, maka PELAJAR hendaklah berhenti dengan serta-merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;

- (d) menerima dan membuat apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan ataupun tidak kecuali dengan kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu; atau
- (e) melakukan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan PELAJAR ditamatkan Pengajian dan/ atau dibuang daripada mengikuti Pengajian.

4. TANGGUNGJAWAB PENJAMIN

- 4.1 PENJAMIN bersetuju untuk memastikan pelajar mengikuti pengajian dengan sempurna dan mematuhi perundangan yang berkuat kuasa serta apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh KERAJAAN.

5. KEMUDAHAN TAMBANG KAPAL TERBANG

- 5.1 Kerajaan bersetuju menanggung sama ada dengan membayar atau membayar semula atau kaedah lain menanggung belanja, tambang kapal terbang kelas ekonomi mengikut jalan yang terdekat dari lapangan terbang yang terdekat sekali dengan rumah PELAJAR ke lapangan terbang yang terdekat sekali dengan Kolej Matrikulasi.

- 5.2 Tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan lanjut KERAJAAN, kemudahan ini hanya diberikan kepada PELAJAR dari Semenanjung Malaysia yang mengikuti Program Matrikulasi di Labuan dan Sarawak, atau dari Sabah atau Sarawak yang mengikuti Program Matrikulasi di Semenanjung Malaysia sahaja.
- 5.3 Kemudahan ini hanya akan diberikan sekali perjalanan pergi dan balik pada awal dan akhir bagi tiap-tiap tahun Pengajian.
- 5.4 Tambang perjalanan dari rumah ke lapangan terbang terdekat sekali dan lapangan terbang ke Kolej Matrikulasi hendaklah ditanggung sendiri oleh PELAJAR.
- 5.5 Tuntutan bagi kemudahan ini hendaklah disertakan dengan tiket atau resit asal penerbangan atau apa-apa dokumen lain yang ditetapkan oleh KERAJAAN dari semasa ke semasa. Kegagalan PELAJAR mengemukakan mengambil tindakan sedemikian, akan menyebabkan tuntutan PELAJAR tidak akan diproses.
- 5.6 Tuntutan hanya boleh dibuat bagi tahun semasa sahaja atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh KERAJAAN.

6. PEMULANGAN LEBIHAN BAYARAN

- 6.1 Jika KERAJAAN mendapati PELAJAR dalam mana-mana keadaan telah menerima apa-apa lebihan bayaran yang dibuat di bawah klausa 2.1, maka lebihan bayaran itu hendaklah disifatkan sebagai hutang kepada KERAJAAN dan PELAJAR adalah bertanggungjawab untuk memulangkan lebihan bayaran itu kepada KERAJAAN mengikut cara yang ditetapkan oleh KERAJAAN.
- 6.2 Sekiranya PELAJAR gagal memulangkan lebihan bayaran seperti yang dinyatakan dalam klausa 6.1, maka KERAJAAN berhak untuk memotong terus lebihan bayaran itu daripada apa-apa bayaran akan datang kepada PELAJAR atau memotong bantuan atau membuat tuntutan terhadap PELAJAR.

7. PELANGGARAN DAN PENAMATAN PERJANJIAN

7.1 Pelanggaran Perjanjian oleh PELAJAR

Sekiranya PELAJAR dalam Tempoh Pengajiannya –

- (a) gagal Pengajiannya kerana tidak mencapai markah lulus/ syarat minimum yang ditetapkan oleh Kolej Matrikulasi;
- (b) gagal menamatkan Pengajian mengikut Tempoh Pengajian dan termasuk apa-apa tempoh lanjutan/ penangguhan yang diluluskan oleh KERAJAAN;
- (c) ditamatkan Pengajian kerana melanggar mana-mana tanggungjawab di bawah klausa 3 atau disabitkan hukuman tatatertib atau atas apa-apa sebab berkaitan salah lakunya sendiri yang menjadikan dirinya tidak sesuai untuk meneruskan Pengajian menurut Tempoh Pengajian yang ditetapkan;
- (d) pada bila-bila masa berkuatkuasanya Perjanjian ini didapati telah diterima mengikut Pengajian ini dengan memberi keterangan yang salah, mengemukakan dokumen palsu, menyembunyikan apa-apa maklumat dan butir keterangan atau dengan melakukan tipu daya dalam apa cara jua;
- (e) disabitkan kesalahan di bawah Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1967 [*Akta 174*] dan perundangan subsidiari di bawah Akta 174 tersebut atau disabitkan apa-apa hukuman oleh pihak Mahkamah;
- (f) menarik diri atau meninggalkan Pengajian sebelum menyempurnakan Pengajian itu tanpa mendapat kelulusan daripada KERAJAAN terlebih dahulu; atau
- (g) melanggar mana-mana syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini, Surat Tawaran atau apa-apa peraturan yang terpakai kepada PELAJAR;

maka KERAJAAN boleh menamatkan Perjanjian ini dengan **memberi tiga puluh (30) hari** notis bertulis kepada PELAJAR.

7.2 Kesan Penamatan Perjanjian

Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut klausa 7.1—

- (a) apa-apa tanggungan oleh KERAJAAN terhadap PELAJAR termasuklah yuran, bantuan dan apa-apa bayaran lain adalah terhenti serta merta.

- (b) PELAJAR hendaklah bertanggungjawab bagi pihaknya sendiri, apabila diminta oleh KERAJAAN—
 - (i) membayar kembali kepada KERAJAAN amaun Bantuan Sara Hidup Pelajar yang diterima oleh PELAJAR setakat Tempoh Pengajian atau apa-apa bayaran lain yang ditetapkan oleh KERAJAAN dalam **tempoh enam puluh (60) hari** dari tarikh notis tuntutan dikeluarkan oleh KERAJAAN; dan
 - (ii) menanggung segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk dan tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguam cara–anak guam dan apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh KERAJAAN bagi maksud menguatkuasakan Perjanjian ini.
- (c) Jika PELAJAR gagal membuat bayaran menurut klausa 7.2(b), PELAJAR dengan ini bersetuju untuk membenarkan KERAJAAN –
 - (i) membuat potongan secara bulanan atau apa-apa tempoh pembayaran yang dipersetujui oleh KERAJAAN; dan/ atau
 - (ii) membuat perkiraan dengan PENJAMIN untuk menyelesaikan tuntutan yang dibuat oleh KERAJAAN.

8. PENAMATAN AWAL DENGAN NOTIS

- 8.1 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, KERAJAAN boleh menamatkan Perjanjian ini lebih awal tanpa memberi apa-apa sebab, dengan memberi **tiga puluh (30) hari** notis secara bertulis kepada PELAJAR.
- 8.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan menurut klausa 8.1, maka segala faedah bagi dan tanggungan PELAJAR di bawah Perjanjian ini adalah terhenti dan PELAJAR dikehendaki meninggalkan Kolej Matrikulasi dalam tempoh yang dinyatakan dalam Notis tersebut serta KERAJAAN hendaklah tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini, memberi PELAJAR tambang kapal terbang untuk kembali ke tempat tinggal PELAJAR.

9. PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG TIDAK SAH ATAU MENYALAHU UNDANG-UNDANG

- 9.1 Tanpa prejudis kepada mana-mana hak KERAJAAN yang lain, jika PELAJAR, disabitkan oleh mahkamah atas kesalahan rasuah atau apa-apa aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain yang dimeterai antara KERAJAAN dan PELAJAR, maka KERAJAAN berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis dengan serta-merta kepada PELAJAR bagi maksud itu.
- 9.2 Jika Perjanjian ini ditamatkan menurut klausa 9.1, kesan penamatan menurut klausa 7.2 adalah terpakai.

10. PENAMATAN PERJANJIAN ATAS KEPENTINGAN NEGARA, KESELAMATAN NEGARA, DASAR KERAJAAN ATAU DASAR AWAM

- 10.1 Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, KERAJAAN boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada tempoh **tiga puluh (30) hari** kepada PELAJAR (tanpa sebarang obligasi untuk menyatakan sebabnya), jika KERAJAAN berpandangan penamatan itu perlu atas sebab kepentingan Negara, keselamatan Negara, dasar KERAJAAN atau dasar awam.
- 10.2 Bagi maksud klausa 10.1, penentuan “kepentingan Negara”, “keselamatan Negara”, “dasar Kerajaan” atau “dasar awam” hendaklah secara keseluruhannya ditentukan oleh KERAJAAN. Penentuan itu hendaklah bagi apa-apa tujuan dan niat, adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 10.3 Apabila Perjanjian ini ditamatkan menurut klausa 10.1, maka segala faedah bagi dan tanggungan PELAJAR di bawah Perjanjian ini adalah terhenti.

11. PINDAAN

- 11.1 Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, Pihak-Pihak bersetuju bahawa KERAJAAN berhak meminda apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada PELAJAR dan PELAJAR adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan itu.
- 11.2 Apa-apa pindaan yang dibuat oleh KERAJAAN di bawah Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dan disifatkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.

12. NOTIS

12.1 Apa-apa notis, kelulusan, kebenaran, permohonan atau apa-apa komunikasi lain yang perlu dihantar kepada PELAJAR di bawah Perjanjian ini dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya ia ditinggalkan atau diposkan atau dihantar dengan apa-apa cara lain yang munasabah ke alamat PELAJAR yang hendaklah disifatkan telah disampaikan atau diberitahu dengan sempurna kepada PELAJAR.

12.2 PELAJAR hendaklah memaklumkan kepada KERAJAAN dengan seberapa segera pertukaran alamat terkini PELAJAR melalui notis bertulis.

12.3 Pengemukaan rekod rasmi yang mengandungi catatan bahawa notis itu telah disampaikan menurut kaedah yang dinyatakan dalam klausa 12.1 hendaklah menjadi bukti penyerahan notis itu kepada PELAJAR.

13. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak untuk menjalankan penguatkuasaan mana-mana hak, remedi atau peruntukan bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada sesuatu penepian hak, melainkan jika ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.

14. KEBOLEHASINGAN

Jika mana-mana klausa daripada Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang sekarang atau undang-undang masa hadapan, klausa itu hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa-klausa lain hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya dan mempunyai kesan seolah-olah Perjanjian ini telah diikat tanpa klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu.

15. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

- 15.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.
- 15.2 Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah, kehendak atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

16. DUTI SETEM DAN KOS

Kos penyediaan Perjanjian ini dan duti setem yang harus dibayar berkenaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh PELAJAR sepenuhnya.

17. MASA

Masa, di mana-mana disebut dalam Perjanjian ini merupakan intipati kepada Perjanjian ini.

18. LAMPIRAN

Lampiran kepada Perjanjian ini iaitu Surat Tawaran dan Syarat Tawaran Program Matrikulasi dengan Perjanjian ini hendaklah dianggap sebahagian daripada Perjanjian ini. Jika berlaku apa-apa percanggahan, klausa-klausa dalam Perjanjian ini adalah terpakai dan mengatasi lampiran tersebut.

(RUANGAN DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN, Pihak-Pihak telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Ditandatangani oleh:)
untuk dan bagi pihak)
KERAJAAN MALAYSIA)
Nama)
Jawatan)
No. K/P)

Disaksikan oleh:)
Nama saksi)
Jawatan)
No. Kad Pengenalan)

Ditandatangani oleh)
PELAJAR)
Nama)
No. Kad Pengenalan)

Disaksikan oleh)
Nama saksi)
Jawatan)
No. Kad Pengenalan)

Ditandatangani oleh)
PENJAMIN)
Nama)
No. Kad Pengenalan)

Disaksikan oleh)
Nama saksi)
Jawatan)
No. Kad Pengenalan)